

# TAHAP AMALAN PERLAKUAN BEREKONOMI DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM DI PUTRAJAYA

Mohd Haziman Ab Ghani<sup>1</sup>  
Syuhaily Osman<sup>1</sup>

## Abstrak

Tekanan ekonomi boleh menyumbang ke arah ketidakharmonian dalam institusi kekeluargaan dan mencetuskan isu sosial. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan perlakuan berekonomi dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya. Sebanyak lima buah kementerian di Putrajaya telah dipilih sebagai lokasi kajian menerusi kaedah persampelan sistematik. Sebanyak 500 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang merupakan penjawat awam yang menyandang gred jawatan 54 dan ke bawah. Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif dan analisis mendapati bahawa perlakuan berekonomi responden berada pada tahap yang tinggi. Responden didapati telah melakukan pelbagai langkah dalam mengamalkan perlakuan berekonomi ini dalam usaha mereka untuk menangani kenaikan kos sara hidup yang semakin dirasakan pada masa kini. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa responden telah mengubah cara gaya hidup mereka demi untuk mencapai kesejahteraan hidup yang baik walaupun dalam keadaan ekonomi yang sukar dan mencabar.

Kata kunci: Tahap amalan; Perlakuan berekonomi; Cara gaya hidup; Penjawat awam

## Abstract

*Economic pressures can contribute to the disunity of family institutions and create social issues. Therefore, this study aims to identify the level of economizing behavior practice among civil servants in Putrajaya. A total of five ministries in Putrajaya have been selected as study sites through systematic sampling method. A total of 500 questionnaires were distributed to respondents who were civil servants with grades 54 and below. The data obtained were analyzed descriptively and the analysis found that the economizing behavior of the respondents was at a high level. Respondents were found to have taken various steps in adapting to this economizing behavior in their efforts to address the rising cost of living. Therefore, it can be concluded that respondents have changed their lifestyle in order to achieve good living despite the difficult and challenging economic conditions.*

*Keywords: Levels of practice; Economizing behavior; Lifestyle; Civil servants*

---

<sup>1</sup> Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

## Pendahuluan

Peningkatan kos sara hidup adalah antara isu yang paling diberi perhatian dalam kalangan rakyat Malaysia semenjak tahun 2010 sehingga ke hari ini. Tahun 2015 memperlihatkan kesungguhan pihak kerajaan Malaysia dalam menangani isu berkaitan kenaikan kos sara hidup dengan tertubuhnya Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Menurut Zulkipli (2017), kenaikan kos sara hidup akan berlaku sekiranya kenaikan harga barangan dan perkhidmatan melebihi kenaikan pendapatan.

Salah satu daripada punca berlakunya peningkatan kos sara hidup adalah kerana peningkatan harga umum atau lebih dikenali sebagai inflasi yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), yang akan menyebabkan kemerosotan kuasa beli pengguna di pasaran (Rashid, 2016). Hal ini bermakna kenaikan IHP akan menyebabkan berlakunya kenaikan dalam kos sara hidup (Boskin, Dulberger, Robert, Griliches, & Jorgenson, 1998). Namun begitu, perubahan kos sara hidup ini sukar diukur dengan tepat kerana terdapat jutaan barangan dan perkhidmatan di pasaran ekonomi moden (Boskin *et al.*, 1998).

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2016a), pendapatan purata bulanan isi rumah rakyat Malaysia bagi tahun 2016 telah meningkat kepada RM6,958 berbanding dengan RM6,141 bagi tahun 2014, iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 6.2 peratus setahun. Namun, peningkatan IHP bagi tahun 2014 hingga 2016 ialah sekitar 2.5 peratus sahaja. Hal ini bermakna kadar peningkatan pendapatan isi rumah benar ialah 3.7 peratus setahun untuk tempoh tiga tahun tersebut. Hal ini seolah-olah menunjukkan bahawa isu kenaikan kos sara hidup tidak benar-benar berlaku apabila kadar peningkatan pendapatan isi rumah adalah lebih besar daripada kadar peningkatan harga barangan dan perkhidmatan.

Namun, kesimpulan ini ternyata tidak tepat kerana corak perbelanjaan isi rumah telah berubah mengikut pembangunan sosioekonomi. Perubahan corak perbelanjaan tidak semestinya pilihan gaya hidup, namun pengguna tiada pilihan dan terpaksa mengikut arus pembangunan. Sebagai contoh, penggunaan kereta sendiri tidak lagi dilihat sebagai memiliki sesuatu yang mewah, kerana kereta telah menjadi keperluan hidup. Begitu juga dengan pemilikan telefon bimbit, bukan lagi menunjukkan status atau taraf hidup seseorang kerana telefon bimbit telah menjadi keperluan dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Di samping itu, pembangunan pesat yang dialami negara menuntut pengguna juga berubah mengikut arus pembangunan.

Menurut Zulkipli (2015), isi rumah terpaksa menurunkan taraf penggunaan barangan melalui perbelanjaan dengan menggunakan barangan dan perkhidmatan yang lebih rendah kualitinya bagi mengekalkan peratus perbelanjaan rutin mereka. Perubahan

perbelanjaan ini merupakan amalan perlakuan berekonomi (*economizing behavior*) oleh isi rumah dalam usaha menyesuaikan diri dengan keadaan ekonomi yang dihadapi. Perlakuan berekonomi merujuk kepada mekanisme yang diambil bagi mengatasi masalah berkaitan dengan ekonomi oleh isi rumah. Dalam kajian Paim, Sharifah, Badari, dan Masud (2008), salah satu mekanisme yang diambil oleh kumpulan isi rumah berpendapatan rendah di Malaysia semasa krisis ekonomi ialah mengamalkan perlakuan berekonomi.

Kajian ini memberikan tumpuan pada perlakuan berekonomi kumpulan isi rumah dalam kalangan penjawat awam, yang kebanyakan mereka tergolong dalam kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah negara (*Bottom 40*), di samping kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus pertengahan atau kumpulan isi rumah M40 (*Medium 40*). Tumpuan kajian ke atas kumpulan isi rumah ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan dalam merangka Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) (RMK-10) serta Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) (RMK-11). Tumpuan kajian diberikan kepada kumpulan penjawat awam selaras dengan hasrat kerajaan dalam meningkatkan tahap mutu penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan berkesan. Hal ini kerana pekerja yang mempunyai kesejahteraan hidup yang tinggi dapat memberikan kesan positif ke atas prestasi kerja mereka (Baptiste, 2008). Menurut Fisher dan Noble (2004), pekerja yang produktif ialah pekerja yang bahagia. Hal ini kerana individu yang bahagia akan lebih aktif, fokus, bertenaga dan lebih berminat dalam pekerjaan mereka.

Dalam kajian ekonomi, kehendak manusia merujuk kepada kehendak terhadap barangan dan perkhidmatan yang bertujuan memenuhi kepuasan mereka. Kehendak manusia adalah tidak terbatas bagi memiliki pelbagai barangan dan perkhidmatan di pasaran, namun kekurangan sumber, seperti pendapatan akan membataskan mereka daripada memiliki kehendak tersebut. Justeru, individu perlu membuat pilihan akibat keterbatasan sumber tersebut. Akibat kekurangan sumber, mereka perlu mengamalkan perlakuan berekonomi selain melepaskan kehendak yang tidak dapat dipenuhi. Tujuan amalan perlakuan berekonomi adalah supaya membolehkan isi rumah mengekalkan tahap ekonomi mereka pada tahap yang optimum, di samping untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Kajian berhubung amalan perlakuan berekonomi amatlah terhad dijalankan oleh penyelidik di negara ini dan ini mengehadkan sorotan literatur. Namun begitu, kajian seumpama ini pernah dijalankan oleh Paim *et al.* (2008) ke atas isi rumah rakyat Malaysia dan dapatan kajian mendapati bahawa tahap perlakuan berekonomi yang diamalkan oleh isi rumah di Malaysia berada pada tahap yang rendah. Kajian ini dibuat setelah mengambil kira kenaikan paras harga petrol yang mengakibatkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan di pasaran.

Namun begitu, memandangkan penemuan kajian berkenaan telah agak lama berlalu, maka suatu kajian mengenai tahap perlakuan berekonomi yang terkini wajar dilaksanakan dengan mengambil kira senario ekonomi Malaysia pada masa sekarang. Hal ini memandangkan terlalu banyak perubahan dalam iklim ekonomi dunia dan ekonomi Malaysia itu sendiri.

Senario ekonomi pada tahun 2008 amat berbeza dengan senario ekonomi masa kini. Maka atas sebab itulah kajian berkaitan perlakuan berekonomi ini dijalankan bagi melihat tahap amalan dalam kalangan isi rumah penjawat awam di Putrajaya.

## **Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya. Objektif khusus kajian pula adalah untuk mengukur tahap amalan perlakuan berekonomi isi rumah dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya.

## **Tinjauan Literatur**

Amalan perlakuan berekonomi ini merujuk kepada mekanisme yang diambil bagi mengatasi masalah berkaitan dengan ekonomi oleh isi rumah. Menurut Laily dan Nurizan (2000), melalui Laily *et al.* (2008), salah satu mekanisme yang diambil oleh kumpulan isi rumah berpendapatan rendah di Malaysia semasa kegawatan ekonomi adalah melalui amalan perlakuan berekonomi. Salah satu amalan perlakuan berekonomi dalam kalangan isi rumah adalah melalui cara penggunaan barangan dan perkhidmatan dalam kalangan isi rumah bagi memenuhi keperluan dan kehendak, dan demi mencapai kesejahteraan yang diinginkan. Cara penggunaan yang dimaksudkan merujuk kepada bagaimana isi rumah menggunakan sumber-sumber yang ada seperti pendapatan dalam memenuhi keperluan isi rumah melalui perbelanjaan terhadap barangan dan perkhidmatan.

Kesejahteraan hidup isi rumah sebahagiannya ditentukan oleh penggunaan. Oleh itu, penting untuk melihat bagaimana penggunaan berkait dengan kesejahteraan hidup secara konseptual. Hal ini kerana kesejahteraan hidup terhasil daripada penggunaan seseorang individu atau isi rumah. Menurut Magrabi *et al.* (1991), perkaitan antara penggunaan dengan kesejahteraan hidup adalah sukar dan hampir mustahil untuk diukur secara langsung dengan tepat. Oleh itu, kajian ini menggunakan model Penggunaan dan Pengeluaran yang diperkenalkan oleh Magrabi *et al.* (1991).

Menurut Gwartney, Stroup, Sobel, dan Macpherson (2009), perlakuan berekonomi merujuk kepada seseorang individu yang cuba mengoptimumkan sumber yang dimiliki dengan tidak menyia-yiakan sumber yang ada. Sebaliknya, mereka akan

membuat pilihan yang terbaik bagi memenuhi keperluan dan sasaran peribadi pada kos yang seminimum mungkin.

Amalan perlakuan berekonomi seharusnya diamalkan oleh isi rumah terutamanya ketika berlakunya kenaikan paras harga di pasaran dan semasa kenaikan kos sara hidup bagi meningkatkan kesejahteraan ekonomi isi rumah dan kesejahteraan kewangan isi rumah (Laily *et al.*, 2008).

Amalan perlakuan berekonomi ini bukan terhad kepada amalan pembelian barangan semata-mata malah melibatkan perkhidmatan. Hal ini termasuklah melalui aktiviti melancong oleh isi rumah. Kajian Campos, Inchausti, dan Eugenio (2015) mendapati pelancong dari 165 wilayah negara EU-27 mengurangkan perbelanjaan pelancongan mereka semasa krisis ekonomi global pada tahun 2009. Kajian berkenaan menyatakan bahawa pengurangan perbelanjaan kos melancong ini dibuat berdasarkan dua faktor, iaitu disebabkan masalah krisis ekonomi, dan kedua atas andaian pengurangan berdasarkan enam alternatif. Enam alternatif berkenaan berkemungkinan disebabkan "kurang cuti", "jangka masa yang berkurangan", "cara pengangkutan yang lebih murah", "penginapan murah", "perjalanan lebih dekat ke rumah" atau "mengubah tempoh perjalanan".

Menurut Bronner dan Hoog (2013) pula, krisis ekonomi yang melanda turut memberi kesan kepada pengguna. Hal ini menyebabkan pengguna mengurangkan perbelanjaan bagi aktiviti pelancongan dengan bercuti berhampiran dengan rumah atau diistilahkan sebagai *staycation*. Amalan *staycation* ini juga merupakan salah satu amalan perlakuan berekonomi oleh isi rumah.

Salah satu daripada perlakuan berekonomi yang boleh diamalkan atau dilakukan oleh pengguna atau isi rumah adalah dengan melaksanakan boikot ke atas barangan dan perkhidmatan yang yang dijual atau dicaj pada harga yang tinggi dan tidak munasabah. Menurut laporan Zuher (2018), pengguna mempunyai hak dan pilihan untuk memboikot sekiranya langkah ini dapat membantu menurunkan harga barang dalam pasaran. Namun, amalan boikot dalam kalangan pengguna di Malaysia hanya dilakukan oleh sebilangan kecil pengguna sahaja dan diperjuangkan oleh hanya beberapa badan bukan kerajaan (NGO) sahaja. Laporan Zuher (2018) juga menyatakan hanya sebilangan kecil pengguna di Malaysia yang benar-benar menggunakan kuasa pengguna dengan melakukan boikot terhadap barangan yang dijual pada harga yang tinggi.

Berdasarkan penemuan kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa amalan perlakuan berekonomi yang diamalkan oleh isi rumah bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi isi rumah melalui penggunaan barangan dan perkhidmatan. Namun begitu, kajian terhadap tahap amalan perlakuan berekonomi masih jarang dilakukan di negara ini. Oleh itu, kajian ini dibuat bagi mengukur sejauh mana tahap

amalan perlakuan berekonomi dalam kalangan isi rumah penjawat awam di Putrajaya.

## Metodologi

Pada masa kajian dijalankan pada tahun 2017, terdapat sebanyak 24 buah Kementerian di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Daripada keseluruhan 24 buah Kementerian ini, hanya lima buah Kementerian sahaja yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Kementerian yang terpilih ialah Kementerian Pertanian Malaysia, Kementerian Sumber Asli, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Pengangkutan, dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pemilihan Putrajaya sebagai lokasi kajian adalah bagi mewakili negeri-negeri yang berstatus tahap perbandaran tinggi, iaitu negeri yang mencatat tahap perbandaran 70% (Bank Negara Malaysia, 2015). Pemilihan responden ini pula dibuat dalam kalangan penjawat awam yang menyandang gred jawatan 48 dan ke bawah, iaitu daripada kumpulan pengurusan dan profesional (P&P) serta daripada kumpulan pelaksana. Jumlah keseluruhan responden kajian ini ialah sebanyak 469 orang.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menyasarkan untuk mendapat sebanyak 400 orang responden daripada 750 borang soal selidik yang telah diedarkan ke lima buah kementerian terpilih, dengan sebanyak 150 borang soal selidik diedarkan ke setiap kementerian. Daripada 750 borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 520 borang soal selidik telah berjaya kumpulkan semula. Daripada jumlah tersebut, hanya 469 borang soal selidik sahaja yang boleh digunakan untuk tujuan analisis selepas proses pemurnian dilakukan. Proses pengedaran dan pengumpulan data dilaksanakan selama dua minggu, iaitu dari 14 Disember 2017 sehingga 28 Disember 2017 di lima buah Kementerian setelah mendapat kebenaran daripada semua Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan.

Bagi mengukur tahap kelakuan berekonomi responden, sebanyak 20 soalan dikemukakan dengan pilihan respon adalah "Ada" dan "Tiada". Respon "Ada" akan diberikan nilai 1 manakala respon "Tiada" akan diberikan nilai 0.

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan bagi membuat pengukuran tahap amalan perlakuan berekonomi telah dibentuk sendiri (*self-developed*) oleh penyelidik, dengan semakan dibuat oleh jawatankuasa kajian. Bagi tujuan analisis data, penyelidik telah menggunakan perisian *Statistical Package for Sciences Social (SPSS)* bagi memerihalkan data secara deskriptif, dan statistik frekuensi telah digunakan.

## Hasil Kajian

Secara keseluruhannya, responden yang terlibat dalam kajian ini ialah sebanyak 469 orang. Hasil analisis deskriptif yang dijalankan terhadap maklumat latar belakang seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 mendapati bahawa peratusan responden lelaki dan perempuan tidak banyak berbeza dengan responden perempuan (59.1%), iaitu melebihi sedikit daripada lelaki (40.1%). Majoriti responden (81.4%) merupakan mereka daripada kumpulan umur 31-49 tahun yang sekali gus menggambarkan bahawa kumpulan penjawat awam yang dikaji merupakan mereka yang masih muda.

**Jadual 1: Maklumat Sosiodemografi Responden**

<b>Bil.</b>	<b>Angkubah</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratus (%)</b>
1.	<b>Jantina</b> Lelaki Wanita	192 277	40.9 59.1
2.	<b>Umur Responden</b> Bawah 30 tahun 31-49 tahun 50 tahun ke atas	72 382 15	15.4 81.4 3.2
3.	<b>Bangsa</b> Melayu Cina India Bumiputera	431 10 19 8	91.9 2.1 4.1 1.7
4.	<b>Taraf Perkahwinan</b> Bujang Berkahwin Duda/Balu/Berpisah	83 375 11	17.7 80.0 2.3
5.	<b>Bilangan Isi Rumah</b> 1 orang 2-3 orang 4-6 orang 7-10 orang Lebih 10 orang	35 120 275 36 3	7.5 25.6 58.6 7.7 0.6
6.	<b>Tahap Pendidikan</b> SPM Sijil/Diploma/STPM Ijazah Sarjana Muda Sarjana	87 128 185 69	18.6 27.3 39.4 14.7
7.	<b>Tempoh Perkhidmatan</b> 5 tahun dan ke bawah 6 -10 tahun 10-15 tahun 16 tahun dan ke atas	58 199 138 74	12.4 42.4 29.4 15.8

**Jadul 1 (sambungan)**

<b>Bil.</b>	<b>Angkubah</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratus (%)</b>
8.	<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>		
	Kumpulan Pelaksana Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)	264 205	56.3 43.7
9.	<b>Kementerian</b>		
	Kementerian Pertanian Malaysia	49	10.4
	Kementerian Pengangkutan Malaysia	77	16.4
	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	119	25.4
	Kementerian Sumber Asli	99	21.1
	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	125	26.7

Hasil analisis juga mendapati responden berbangsa Melayu merupakan kumpulan majoriti, iaitu sebanyak 431 orang (91.9%). Seterusnya, didapati bahawa majoriti responden (80.0%) telah berkahwin dan lebih separuh (58.6%) daripada mereka mempunyai bilangan isi rumah dalam lingkungan empat hingga enam orang. Bilangan ini boleh dianggap sebagai bilangan yang normal dalam kehidupan berkeluarga di Malaysia pada masa kini.

Dari segi tahap pendidikan pula, peratusan tertinggi (39.4%) didapati memperoleh pendidikan sehingga ke tahap ijazah sarjana muda dan diikuti oleh mereka yang mempunyai sijil/diploma/SPM (27.3%).

Seterusnya, analisis turut dibuat terhadap maklumat perkhidmatan responden. Didapati lebih satu pertiga daripada responden (42.4%) telah berkhidmat dalam lingkungan enam hingga sepuluh tahun. Lebih separuh daripada mereka (56.3%) merupakan kumpulan Pelaksana dan selebihnya (4.7%) adalah daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Dari segi penempatan melibatkan kementerian yang terpilih pula, responden daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan diwakili lebih responden berbanding dengan Kementerian Sumber Asli, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pertanian Malaysia

## Tahap perlakuan berekonomi responden

Kajian ini telah mengukur tahap perlakuan berekonomi responden dalam menghadapi cabaran iklim ekonomi pada hari ini. Sebanyak 20 item dikemukakan dengan pilihan respon ialah “Ada” dan “Tiada”. Respon “Ada” diberikan nilai 1 manakala respon “Tiada” diberikan nilai 0. Penggunaan formula ini adalah berasaskan pengiraan tahap kesejahteraan kewangan pekerja muda dalam kajian Narges dan Paim (2011). Melalui aplikasi formula *Possible Total Score*, kajian mendapati tahap perlakuan berekonomi responden berada pada tahap tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, iaitu sebahagian besar responden (60.1%) mengamalkannya. Hal ini menunjukkan bahawa responden mengambil pelbagai langkah untuk mengubah cara gaya hidup mereka seperti langkah yang membolehkan mereka melakukan penjimatan untuk menangani masalah peningkatan kos sara hidup dan pada masa yang sama untuk mencapai kesejahteraan hidup dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

**Jadual 2: Tahap Perlakuan Berekonomi Responden**

Skor	Frekuensi (n)	Peratus (%)
<b>Rendah (0-6)</b>	47	10.0
<b>Sederhana (7-13)</b>	140	29.9
<b>Tinggi (14-20)</b>	<b>282</b>	<b>60.1</b>

Jadual 3 pula menunjukkan perlakuan berekonomi yang diamalkan oleh responden kajian secara lebih terperinci yang menyokong dapatan analisis yang digambarkan dalam Jadual 2. Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti responden telah mengamalkan tujuh daripada 20 item perlakuan berekonomi yang diberikan. Mengikut urutan peratusan tertinggi, perlakuan tersebut ialah membeli di kedai yang menawarkan pada harga yang rendah/murah dengan membuat perbandingan harga (93.0%), menjimatkan penggunaan elektrik di rumah dengan memastikan suis ditutup jika tidak digunakan (92.3%), membuat pembelian semasa jualan murah/promosi (87.4%), mengurangkan percutian di dalam atau luar negeri (81.2%), mengurangkan aktiviti hobi bagi mengurangkan kos (76.8%), mengurangkan pergi membeli-belah di pasar raya (76.3%), dan mengurangkan makan di luar/restoran bersama-sama keluarga (76.3%).

**Jadual 3: Maklum Balas Responden terhadap Amalan Perlakuan Berekonomi**

BIL.	KELAKUAN BEREKONOMI	ADA n (%)	TIADA n (%)
1.	Mengurangkan pengambilan makanan.	262 (55.9)	207 (44.1)
2.	Mengurangkan kekerapan makan.	234 (49.9)	235 (50.1)
3.	<b>Memboikot barangan yang mengalami kenaikan harga yang ketara.</b>	<b>132 (28.1)</b>	<b>337 (71.9)</b>
4.	Mengurangkan aktiviti sosial bersama rakan-rakan.	337 (71.9)	132 (28.1)
5.	Mengurangkan pemberian hadiah semasa majlis keramaian.	292 (62.3)	177 (37.7)
6.	Mengurangkan percutian di dalam atau luar negeri.	381 (81.2)	88 (18.8)
7.	Mengurangkan makan di luar/restoran bersama-sama keluarga.	358 (76.3)	111 (23.7)
8.	Membawa bekal ke tempat kerja/anak-anak ke sekolah.	261 (55.7)	208 (44.3)
9.	Mengurangkan pembelian pakaian untuk diri dan anak-anak.	327 (69.7)	142 (30.3)
10.	Mengurangkan aktiviti hobi bagi mengurangkan kos.	360 (76.8)	109 (23.2)
11.	Membuat pembelian semasa jualan murah/promosi.	410 (87.4)	59 (12.6)
12.	<b>Membeli di kedai yang menawarkan pada harga yang rendah/murah dengan membuat perbandingan harga.</b>	<b>436 (93.0)</b>	<b>33 (7.0)</b>
13.	Membeli barangan yang lebih murah walaupun kualiti yang lebih rendah.	271 (57.8)	198 (42.2)
14.	Hanya membeli barangan yang mempunyai diskaun jika di pasar raya.	330 (70.4)	139 (29.6)
15.	Membeli barangan di bawah label jenama kedai berbanding dengan barangan berjenama terkenal.	326 (69.5)	143 (30.5)
16.	Membuat pembelian secara pukal.	285 (60.8)	184 (39.2)
17.	Menggunakan pengangkutan awam ke tempat kerja.	73 (15.6)	396 (84.4)
18.	Menurunkan pakej perkhidmatan TV berbayar/Internet.	260 (55.4)	209 (44.6)
19.	Mengurangkan pergi membeli-belah di pasar raya.	358 (76.3)	111 (23.7)
20.	Menjimatkan penggunaan elektrik di rumah dengan memastikan suis ditutup jika tidak digunakan.	433 (92.3)	36 (7.7)

Selain itu, sebahagian besar responden turut mengamalkan perlakuan berekonomi lain, iaitu mengurangkan aktiviti sosial bersama rakan-rakan (71.9%), hanya membeli barangan yang mempunyai diskaun jika dibeli di pasar raya (70.4%), mengurangkan pembelian pakaian untuk diri dan anak-anak (69.7%), membeli barangan di bawah label jenama kedai berbanding dengan barangan berjenama terkenal (69.5%), mengurangkan pemberian hadiah semasa majlis keramaian (62.3%), dan membuat pembelian secara pukal (60.8%).

Soalan yang mencatatkan peratusan amalan perlakuan berekonomi yang tertinggi adalah bagi item nombor 12, iaitu membeli di kedai yang menawarkan pada harga yang rendah atau dengan membuat perbandingan harga. Sebanyak 436 orang (93.0%) melaporkan bahawa mereka mengamalkan tindakan tersebut. Menurut Harold dan John (1978), menerusi Shamsul (2015), tingkah laku pembelian melibatkan proses penilaian harga akan turut mempengaruhi pembelian pada masa akan datang.

Sebanyak 433 orang responden (92.3%) melaporkan bahawa mereka menjimatkan penggunaan elektrik di rumah dengan memastikan suis ditutup jika tidak digunakan. Menurut Abdullah, Azlina dan Mustapha (2013), antara faktor penentu penting yang mempengaruhi penggunaan tenaga dalam kalangan isi rumah ialah faktor ekonomi, yang melibatkan pendapatan yang diperoleh oleh isi rumah dan juga perbelanjaan yang digunakan bagi elektrik dalam masa sebulan.

Secara keseluruhannya, dengan merujuk peratusan yang menggambarkan majoriti dan sebahagian responden mengamalkan perlakuan yang dinyatakan ini, hal ini dilihat selari dengan tahap tinggi yang diperoleh sebelum ini. Responden sememangnya telah mengubah gaya hidup mereka seboleh-boleh yang mungkin dengan mengamalkan perlakuan berekonomi demi mendepani cabaran kos sara hidup pada masa kini.

Namun begitu, terdapat juga perlakuan berekonomi yang mungkin sukar untuk diamalkan oleh responden. Hal ini digambarkan oleh peratusan yang rendah bagi amalan menggunakan pengangkutan awam ke tempat kerja (15.6%) dan memboikot barangan yang mengalami kenaikan harga yang ketara (28.1%). Amalan menggunakan pengangkutan awam ini mungkin sukar dilakukan kerana keperluan untuk menggunakan kenderaan sendiri untuk pelbagai aktiviti seperti menghantar/mengambil anak ke sekolah, bergerak ke pelbagai tempat yang perlu seperti untuk bermesyuarat dan lain-lain adalah tinggi, selain mungkin kesukaran mendapatkan pengangkutan awam di tempat tertentu dan sebagainya.

Sementara itu, amalan memboikot barangan juga agak sukar untuk dilakukan walaupun peningkatan harga yang berlaku adalah ketara, terutamanya apabila melibatkan barangan keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak, minyak

kenderaan dan sebagainya. Namun, untuk mengatasi kenaikan harga makanan misalnya, responden didapati telah mengambil langkah lain yang dirasakan lebih wajar dan mudah untuk dilakukan, seperti membeli di kedai yang menawarkan pada harga yang rendah/murah dengan membuat perbandingan harga dan mengurangkan makan di luar/restoran bersama-sama keluarga.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selaras dengan penemuan kajian oleh Laily *et al.* (2008) yang mendapati tahap amalan perlakuan berekonomi yang diamalkan oleh isi rumah adalah pada tahap rendah. Dapatan kajian ini menunjukkan amalan perlakuan berekonomi isi rumah dalam kalangan penjawat awam adalah sebaliknya, iaitu tahap amalan perlakuan berekonomi responden adalah tinggi.

## Kesimpulan dan Implikasi

Kajian mengenai amalan perlakuan berekonomi amat jarang dijalankan oleh penyelidik di Malaysia dan ini menyebabkan sorotan literatur agak terhad. Oleh itu, penemuan kajian ini dapat memberikan ilmu pengetahuan yang baharu kepada lapangan kajian berkaitan perlakuan berekonomi dalam kalangan isi rumah.

Dapatan kajian mengenai tahap amalan perlakuan berekonomi ini menunjukkan amalan berkenaan adalah pada tahap yang tinggi. Responden didapati telah melakukan pelbagai langkah dalam mengamalkan perlakuan berekonomi dalam usaha untuk menangani kenaikan kos sara hidup yang semakin dirasakan pada masa kini. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa responden telah mengubah cara gaya hidup mereka demi mencapai kesejahteraan hidup yang baik walaupun dalam keadaan ekonomi yang sukar dan mencabar. Dalam kata lain, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden telah bertindak balas dengan situasi ekonomi yang mencabar pada hari ini dengan mengamalkan perlakuan berekonomi bagi mengekalkan taraf dan tahap ekonomi isi rumah mereka. Penemuan hasil kajian juga ini diharap dapat membantu pihak berkaitan seperti pihak kerajaan, universiti dan pengguna dalam mengambil tindakan susulan yang sewajarnya, di samping dapat membantu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan terutamanya yang melibatkan ilmu kepenggunaan.

## Rujukan

Abdullah, E.S.Z.E., Azlina, A., & Mustapha, N.H.N. (2013). Potensi penjimatan penggunaan tenaga oleh isirumah di malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII 2013*, 2, 1004–1010.

Bank Negara Malaysia. (2015). *Laporan tahunan 2015. Bank Negara Malaysia*. Kuala Lumpur. Dimuat turun daripada [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_publication&pg=bm\\_ar&ac=23&bm](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_publication&pg=bm_ar&ac=23&bm)

- Baptiste, N.R. (2008). Tightening the link between employee wellbeing at work and performance. *Management Decision*, 46(2), 284–309. <https://doi.org/10.1108/00251740810854168>
- Boskin, M.J., Dulberger, E.R., Robert, J., Griliches, Z., & Jorgenson, D.W. (1998). Consumer prices, the consumer price index, and the cost of living. *Journal of Economic Perspectives*, 12(1), 3–26.
- Bronner, F. & Hoog, R.De. (2013). Economizing on vacations: the role of information searching. *International Journal of Culture, Tourism and Hospitality Research*, 7(1), 28–41. <https://doi.org/10.1108/17506181311301336>
- Campos-Soria, J.A., Inchausti-Sintes, F., & Eugenio-Martin, J.L. (2015). Understanding tourists' economizing strategies during the global economic crisis. *Tourism Management*, 48, 164–173. <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2014.10.019>
- Fisher, C.D. & Noble, C.S. (2004). A within-person examination of correlates of performance and emotions while working. *Human Performance*, 17(2), 145–168. [https://doi.org/10.1207/s15327043hup1702\\_2](https://doi.org/10.1207/s15327043hup1702_2)
- Gwartney, J.D., Stroup, R.L., Sobel, R.S., & Macpherson, D.A. (2009). *Macroeconomics: private and public choice*. (J.D. Gwartney, R.L. Stroup, R.S. Sobel, & D.A. Macpherson, Eds.) (15<sup>th</sup> ed.). Cengage Learning.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). *Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2016. Sumber Statistik Rasmi Malaysia*. Dimuat turun daripada [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1640&Itemid=111&lang=bm](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1640&Itemid=111&lang=bm)
- Magrabi, F.M., Chung, Y.S., Cha, S.S., & Yang, S.-J. (1991). *The economics of household consumption*. New York: Praeger Publisher.
- Narges, D. & Paim, L.H. (2011). Determinants of financial wellness among Malaysia workers. *African Journal of Business Management*, 5(24), 10092–10100. <https://doi.org/10.5897/AJBM10.1267>
- Omar, Z. (2016). Menangani peningkatan kos sara hidup. *Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia*. Dimuat turun daripada [https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul21\\_12\\_2015.pdf](https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul21_12_2015.pdf)

- Paim, L., Sharifah, A.H., Badari, S.A.Z., & Masud, J. (2008). To what extent do households practice economizing behavior to cope with the food price increase? *Consumer Interests Annual*, 54, 174–176.
- Rashid, Z.A. (2016, February 29). Kos sara hidup beban ekonomi utama sepanjang 2015. *Malaysia Institute of Economic Research*. Dimuat turun daripada [https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZakariah29\\_02\\_2016.pdf](https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZakariah29_02_2016.pdf)
- Shamsul Azahari, Z.B., Ahmad Hariza, H., Mohamad Fadzli, S., Mohd Amim, O., Normaziah, Z., & Farhan, M.A. (2015). Tingkahlaku pembelian dalam kalangan pengguna baru di malaysia dan perbandingannya. Dalam *19th MACFEA National Seminar 2015*. Dimuat turun daripada [https://www.researchgate.net/publication/288427552\\_tingkahlaku\\_pembelian\\_dalam\\_kalangan\\_pengguna\\_baru\\_di\\_malaysia\\_dan\\_perbandingannya\\_dengan\\_negara\\_maju](https://www.researchgate.net/publication/288427552_tingkahlaku_pembelian_dalam_kalangan_pengguna_baru_di_malaysia_dan_perbandingannya_dengan_negara_maju)
- Zuher, N.A. (2018). Boikot: sejauh mana ia berkesan. May 3, 2018, Dimuat turun daripada <http://kpdnkk.bernama.com/featuresBm.php?id=1108924>
- Zulkipli Omar. (2017). Menangani isu peningkatan kos sara hidup melalui bajet 2018. *Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)*, 19–21. Dimuat turun daripada [https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul17\\_10\\_2017.pdf](https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul17_10_2017.pdf)